

## **PERCUBAAN PENGGAL 1 KERIAN 2013**

### **Bahagian A**

[15 markah]

*Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang betul dan buat bulatan pada jawapan tersebut.*

- 1 Yang manakah benar tentang ciri-ciri sebuah negara yang berdaulat?
  - I. Mempunyai sempadan negara yang semakin berkembang luas
  - II. Mempunyai sistem pemerintahan yang sering berubah
  - III. Mempunyai autonomi kuasa sepenuhnya dalam pentadbiran dalam negeri
  - IV. Rakyat yang menentukan nasib negara sendiri tanpa campur tangan kuasa asing
    - A. I dan II
    - C. II dan IV
    - B. I dan III
    - D. III dan IV
  
- 2 Apakah tujuan perlembagaan diwujudkan di sebuah negara?
  - I. Masyarakat boleh mengetahui hak asasi mereka
  - II. Masyarakat boleh mengetahui asal usul mereka
  - III. Masyarakat boleh mengikut panduan budaya dalam perlembagaan
  - IV. Sebagai garis panduan untuk sebuah kerajaan melaksanakan pemerintahan
    - A. I dan II
    - C. II dan III
    - B. I dan IV
    - D. III dan IV
  
3.

- Isteri Alex seorang warganegara Malaysia
  - Isteri Alex melahirkan anaknya di atas sebuah kapal kapal tentera yang didaftarkan di Malaysia di ruang udara Singapura

Yang manakah merupakan cara anak Alex boleh memperoleh kewarganegaraan Malaysia

- A. Kuatkuasa undang-undang
- B. Pendaftaran
- C. Percantuman wilayah

- D. Warganegara Singapura
4. Yang manakah berkaitan dengan pindaan perlembagaan?
- Mendapatkan persetujuan 2/3 ahli Majlis Parlimen
  - Mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri
  - Mendapatkan suara majoriti dalam parlimen
  - Mendapatkan persetujuan selepas berbincang dengan agensi pusat
    - I dan II
    - I dan III
    - II dan IV
    - III dan IV
- 5.
- Mendengar kes rayuan yang dibicarakan
  - Mentafsir perlembagaan dan undang-undang
  - Menyelesaikan pertikaian antara kerajaan Negeri
- Yang manakah antara mahkamah berikut mempunyai kuasa seperti yang tersenarai di atas?
- Mahkamah Persekutuan
  - Mahkamah Tinggi
  - Mahkamah Sesyen
  - Mahkamah Rayuan
6. Berikut merupakan fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya **kecuali?**
- Menyiapkan daftar pengundi
  - Mengawasi ketenteraman kawasan pilihan raya
  - Memberkas ejen pilihan raya yang melanggar peraturan pilihan raya
  - Melaksanakan pilihan raya untuk kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri
    - I dan II
    - II dan III
    - I dan IV
    - III dan IV

7. Individu yang manakah yang layak undi melalui pos dalam pilihan raya?
- I. Seseorang pengundi yang sedang melancong ke luar negara
  - II. Seseorang pengundi yang sedang menerima rawatan perubatan di negara asing
  - III. Seseorang guru yang bertugas di pusat membuang undi pada hari mengundi
  - IV. Seseorang pegawai kedutaan Malaysia di British
- A. I dan II                      C. II dan III
  - B. I dan IV                      D. III dan IV
8. Yang manakah yang tertakluk kepada kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong?
- A. Memecat Menteri Kabinet
  - B. Melantik Ketua Hakim Negara
  - C. Memperkenankan pindaan Perlembagaan Persekutuan
  - D. Memberikan persetujuan kepada permintaan untuk pembubaran Parlimen

- Memulihkan keyakinan pelabur asing terhadap perkembangan ekonomi Negara
- Memperkuuh asas ekonomi Negara agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa

9. Pernyataan di atas merujuk kepada peranan
- A. Majlis Kewangan Negara
  - B. Majlis Pembangunan Negara
  - C. Majlis Tindakan Ekonomi Negara
  - D. majlis Perundingan Ekonomi Negara

10. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai seorang Perdana Menteri?

- I. Mempunyai kuasa untuk menentukan gaji kakitangan kerajaan
  - II. Mestilah seorang ahli Dewan Rakyat
  - III. Menyelesaikan masalah dasar kerajaan
  - IV. Selalu berada di luar Negara
- A. I dan II
  - C. II dan III
  - B. I dan IV
  - D. III dan IV

11. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah benar mengenai perbendaharaan?

- A Menggubal dasar perkhidmatan awam
- B Mengesan keperluan dan menjalankan penyelidikan
- C Menyediakan sistem yang sesuai untuk mendapatkan wang
- D Menyediakan rancangan pembangunan Kebangsaan Lima Tahun

- Menyediakan kemudahan latihan untuk kakitangan kerajaan
- Menggubal dasar gaji dan pencegah bagi sector perkhidmatan awam

12. Yang manakah merupakan agensi yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Unit Perancang Ekonomi
- B Jabatan Perkhidmatan Awam
- C Unit Penyelidikan Sosioekonomi
- D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

13. Undang-undang hanya boleh dikuatkuasakan setelah

- A Diluluskan oleh kabinet
- B Diluluskan oleh Parlimen
- C Diwartakan sebagai warta kerajaan
- D Ditandatangani oleh Ketua Hakim Negara

14. Yang manakah kesalahan yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah?

- I. Membunuh
  - II. Berkhalwat
  - III. Mencuri di masjid
  - IV. Tidak membayar zakat
- A. I dan II                    C. II dan IV
  - B. I dan III                   D. III dan IV

15.

X mengeluarkan notis kepada pemilik stesen minyak supaya menamatkan operasi perniagaan kerana terlibat dalam penyalahgunaan subsidi diesel

Berdasarkan pernyataan di atas, X merujuk kepada


- A. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
- B. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- C. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- D. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

## **BAHAGIAN B**

[15 markah]

*Jawab semua soalan*

16. Dengan merujuk rajah di bawah, jawab soalan berikut. [3]



Apakah tiga peranan X dalam badan legislatif?

- i) .....
- ii) .....
- iii) .....

17. Berikan empat punca seseorang calon itu hilang kelayakan untuk bertanding dalam pilihanraya. [4]

- i. .....
- ii. .....
- iii. .....
- iv. .....

18. Nyatakan empat hasil yang dikutip oleh Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan. [4]

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....
- iv. ....

19. Huraikan dua cara penamatan jawatan Hakim Mahkamah Tinggi. [4]

- i. ....  
.....
- ii. ....  
.....

## **BAHAGIAN C**

### **[ 50 Markah ]**

*Pilih dua daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20. Tadbir urus yang baik memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan negara mencapai Wawasan 2020. Jelaskan.
21. Penyatuan sosial antara etnik di Malaysia merupakan petunjuk utama kepada perpaduan kerana struktur masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum. Kepentingan ini harus dipertahankan untuk mengekalkan keharmonian negara dengan mengadakan beberapa program antara kaum. Ulaskan.
22. Pada masa kini, penggunaan laman maya merupakan suatu keperluan sama ada oleh seseorang individu mahupun suatu organisasi. Malangnya, kebelakangan ini banyak kejadian jenayah siber berlaku. Pada pendapat anda, mengapakah jenayah siber masih berlaku dan jelaskan kesan-kesan jenayah siber tersebut kepada pelbagai pihak.

**BAHAGIAN B CADANGAN SKEMA JAWAPAN PENGAJIAN AM PEPERIKSAAN**  
**PERCUBAAN STPM BAGI**

**PENGAJIAN AM SEMESTER 1 TAHUN 2013**

BAHAGIAN A:

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
D	B	A	B	A	C	D	D	C	C	A	B	A	D	B

16. Apakah tiga peranan X dalam badan legislatif?
- i) Memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen
  - ii) Memberi Titah Ucapan Di-raja dalam perasmian persidangan pertama Parlimen
  - iii) Meluluskan atau memperkenankan rang undang-undang
17. Berikan empat punca seseorang calon itu hilang kelayakan untuk bertanding dalam pilihanraya. [4]
- Tidak siuman
  - Diisyiharkan bankrap (muflis)
  - Memperoleh kewarganegaraan asing
  - memegang sesuatu jawatan berpendapat
  - tidak menghantar penyata pilihan raya
  - Didapati bersalah oleh mahkamah di Malaysia, dijatuhi hukuman penjara tidak kurang dari satu tahun atau didenda tidak kurang daripada RM2000 dan tidak mendapat pengampunan
18. Nyatakan empat hasil yang dikutip oleh Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan. [4]
- Hasil cukai pintu (cukai taksiran tahunan)
  - Cukai perkhimatan
  - Duti premis hiburan
  - Lesen peminjam wang
  - hasil cukai kuari,
  - hiburan,

- tanah
- kutipan zakat dan fitrah,
- keuntungan dari badan tidak berkanun negeri,
- lesen pembalakan dan perikanan sungai,
- hasil jualan harta kanun
- pemberian dr kerajaan pusat ikut bilangan penduduk
- panjang jalan negeri

19. Huraikan dua cara penamatan jawatan Hakim Mahkamah Tinggi. [4]

- i) Melalui perletakan jawatan (1).

Dengan menulis surat perletakan jawatan kepada Yang di-Pertuan Agong dan boleh dilakukan bila-bila masa ( 1 )

- ii) Melalui pemecatan ( 1 ).

Dipecat daripada jawatannya oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor tribunal (1).

### **BAHAGIAN C**

1. Tadbir urus yang baik memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan negara mencapai Wawasan 2020. Jelaskan.

#### PENDAHULUAN

- Sesebuah kerajaan yang cekap pasti akan berfungsi dengan memainkan peranan utama untuk membangunkan Negara bagi mencapai wawasan Negara iaitu Negara maju menjelang 2020.
- Para pemimpin dan pegawai perkhidmatan awam adalah dituntut memainkan peranan mereka.

#### A. PERANAN

1. Melaksanakan dasar pengagihan ekonomi yang saksama
- Kerajaan menyediakan program pembangunan ekonomi kepada semua etnik.
- Etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain saling membantu dan bekerjasama terlibat dalam aktiviti ekonomi.

- Kerajaan menyediakan infrastruktur ekonomi untuk merangsang penglibatan semua kaum bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.
  - Menyediakan kemudahan kredit dan pinjaman tanpa faedah akan dapat membantu usahawan meningkatkan pendapatan isi rumah.
2. Menjadi Institusi Birokrasi yang cekap
- Pengurusan tadbir urus yang cekap dapat mengurangkan karenah birokrasi.
  - Memudahkan dan mempercepatkan urusan pelanggan dengan pihak kerajaan.
  - Program dan dasar perkhidmatan awam dapat meningkatkan keupayaan dan imej tadbir urus baik.
  - Slogan piagam pelanggan dan konsep mesra pelanggan membantu tadbir urus meningkatkan kecekapan dan pengurusan pejabat.
3. Menggiatkan Penglibatan Agensi Awam dalam Pembangunan Negara
- Unit Perancang Ekonomi ( UPE) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan(UPP) berfungsi sebagai agensi pusat yang merancang dan menyelaras pembangunan peringkat persekutuan dan negeri.
  - Penglibatan agensi ini akan memudahkan tadbir urus melaksanakan dasar pembangunan Negara.
4. Menjaga keselamatan, Keharmonian dan kebajikan rakyat.
- Kerajaan melaksanakan program penerapan nilai-nilai murni
  - Dasar social dan penerapan budaya dan etika dalam kehidupan dapat mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup
  - Kerajaan berusaha menerapkan konsep perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik seperti konsep 1 Malaysia, Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.
5. Mengadakan Hubungan dengan Negara luar
- Hubungan serantau dan antarabangsa dalam bidang pentadbiran , social dan ekonomi .
  - Mengambil model ekonomi Jepun dan Korea Selatan.

- Berlaku pemindahan teknologi dan mekanisme ekonomi baru melalui proses pendidikan peringkat tinggi dalam dan luar Negara.

- Kerajaan dapat mempelbagaikan sumber dan meningkatkan produktiviti.

- Keselamatan Negara terjamin melalui kerjasama pertahanan dengan Negara sempadan dan antarabangsa.

## 6. Menyediakan Prasarana Sisoal

- Membina pusat pendidikan bertaraf dunia dan pusat kesihatan moden.
- Melaksanakan pendidikan sepanjang hayat dan menyediakan sukan dan penilaian yang selaras.
- Melengkapkan infrastruktur hospital dan klinik( contohnya Klinik 1 Malaysia ) untuk memenuhi keperluan rakyat.

Pilihan Jawapan : 5+0

## KESIMPULAN

- Tadbir urus yang baik akan melaksanakan peranan secara berkesan dan menyeluruh bagi merelisasikan amalan tanggungjawab social kepada rakyat.
2. Penyatuan sosial antara etnik di Malaysia merupakan petunjuk utama kepada perpaduan kerana struktur masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum. Kepentingan ini harus dipertahankan untuk mengekalkan keharmonian negara dengan mengadakan beberapa program antara kaum. Ulaskan.

## PENGENALAN

- Rakyat yang bersatu padu dapat mewujudkan keadaan yang harmoni dan aman.
- Keadaan Negara yang aman akan mempercepatkan pembangunan Negara ke arah Wawasan 2020.

### A. KEPENTINGAN PERPADUAN

#### 1. Menjamin Keamanan dan kestabilan Negara

- Rakyat berasa selamat semasa menjalankan tugas harian.
- Rakyat bebas menjalankan aktiviti harian tanpa sekatan
- Tanpa keamanan rakyat hidup dalam ketakutan seperti di Negara Iraq dan palestin.

2. Menjamin Pembangunan Negara berterusan.
    - Keadaan Negara yang aman membolehkan pembangunan Negara berjalan lancar.
    - Pelabur asing tidak teragak-agak untuk melabur di Malaysia seterusnya member peluang pekerjaan kepada rakyat.
    - Negara yang kucar-kacir menakutkan pelabur untuk melabur.
  3. Menjamin Kedaulatan bangsa dan Negara.
    - Rakyat yang bersatu padu dapat menghakis ancaman musuh dari dalam dan luar Negara.
    - Rakyat dapat mengelak dari diperalatkan oleh anasir-anasir luar bagi menjajah dari segi ekonomi dan politik.
    - Mengelakkan kemerdekaan Negara.
- B. Langkah Mewujudkan Perpaduan
4. Sistem Pendidikan Kebangsaan
    - Memperkenalkan sukanan pelajaran yang menitikberatkan semangat perpaduan seperti mata pelajaran saejarah dan Sivik.
    - Menitikberatkan nilai-nilai murni dalam pendidikan Islam dan Moral.
    - Aktiviti kokurikulum dapat memupuk nilai-nilai murni yang positif.
    - Sekolah Wawasan, aliran dan sukanan yang sama dan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar.
  5. Merapatkan Jurang Ekonomi Rakyat
    - Dasar Ekonomi Baru dibentuk bagi merapatkan jurang ekonomi antar kaum.
    - Kerajaan berusaha supaya satu-satu bidang ekonomi tidak dikuasai oleh kaum tertentu sahaja.
    - Kekayaan Negara diagihkan sama rata antara kaum, yang susah dan miskin dibantu untuk meningkatkan taraf hidup , contohnya TEKUN, AMANAH IKHTIAR
  6. Memperkenalkan Konsep 1 Malaysia
    - Konsep ini diperkenalkan supaya rakyat dapat hidup bersatu padu dalam pelbagai lapangan kehidupan.

- Bantuan juga akan diberikan kepada mereka yang masih ketinggalan dalam perbagai bidang terutama pelajaran dan ekonomi.
- Bantuan diberi tanpa mengira kaum dan agama- mereka yang layak dibantu contohnya BRIM ( RM 500)

## KESIMPULAN

- Perpaduan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah Negara

Pilihan Jawapan : Pilih 3+2 / 2+3

3. Pada masa kini, penggunaan laman maya merupakan suatu keperluan sama ada oleh seseorang individu mahupun suatu organisasi. Malangnya, kebelakangan ini banyak kejadian jenayah siber berlaku. Pada pendapat anda, mengapakah jenayah siber masih berlaku dan jelaskan kesan-kesan jenayah siber tersebut kepada pebagai pihak.

## Pengenalan

Penggunaan laman maya Internet dianggap sebagai suatu keperluan hampir setiap individu dan organisasi pada masa kini. Malangnya ada pihak yang menggunakan aplikasi tersebut untuk melakukan jenayah siber seperti ugutan, menyebarkan maklumat palsu dan yang biasa juga ialah menyebarkan virus.

Bil	Idea/Isi	Huraian
1	<b>A: Punca jenayah siber</b> Faktor terpengaruh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mangsa yang biasanya wanita</li> <li>• Terpengaruh dengan janji cinta sebelum ke perbualan telefon</li> <li>• Mangsa lelaki pula terpengaruh dengan janji teman tawaran hadiah istimewa sanggup melakukan arahan penjenayah kerana tertipu seperti mendedahkan akaun bank</li> <li>• Kebanyakan perbuatan ini dikenali sebagai <i>African Scam</i> yang popular dilakukan oleh warga dari benua Afrika</li> </ul>

2	Menjadikan jenayah sebagai bidang kerjaya komersial	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesetengah penjenayah melakukan modus operandi memujuk mangsa sehingga mangsa terpedaya terutamanya bagi kes cinta siber</li> <li>Melakukan ugutan untuk menyebarkan gambar peribadi atau sebarang maklumat peribadi untuk tujuan pemerasan</li> <li>Jenayah boleh dijadikan secara terancang oleh satu sindiket</li> <li>Penjenayah mungkin mahu menjual perisian antivirus yang diciptanya dengan menghantar virus tertentu.</li> </ul>
3	Perkembangan yang pesat dalam sistem telekomunikasi maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelbagai laman web sosial dicipta seperti <i>Facebook</i> dan <i>Twitter</i> telah mendorong individu mendedahkan maklumat peribadi seperti gambar, alamat, nombor telefon dan seumpamanya.</li> <li>Tanpa disedari kemungkinan ada rakan sosial dalam Internet yang tidak mahir telah berkongsi butiran peribadi anda sehingga boleh digunakan oleh penjenayah siber.</li> <li>Penggunaan internet merentasi sempadan dunia. Pemangsa akan melakukan serangan virus dan penggodaman ke mana-mana talian yang diketahui ada kelemahan.</li> </ul>

4	Tidak memahami prosedur keselamatan dalam mengendalikan laman web	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna komputer mengambil mudah sistem keselamatan yang diwujudkan dalam laman web.</li> <li>Contohnya: Perbankan Online/atas talian dan pengguna tidak menutup akaun e-mel atau facebook dengan teratur.</li> <li>Kejahilan tidak membaca terma-terma janji aplikasi Internet boleh menyebabkan mereka menjadi mangsa jenayah siber</li> </ul>
5	<b>B: Kesan ke atas mangsa jenayah siber ialah:</b>  Mengalami	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mangsa mengalami tekanan perassan seperti marah, malu dan trauma</li> <li>Boleh menjelaskan perhubungan dengan keluarga, dengan majikan dan sebagainya</li> </ul>

	tekanan perasaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mangsa mungkin mengambil jalan singkat dengan membunuh diri disebabkan malu</li> <li>• Mangsa berasa diperbodohkan oleh pemangsa.</li> </ul>
6	Kerugian kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenayah siber mengakibatkan kerugian sehingga RM49.46 juta tahun 2011, meningkat 114 peratus berbanding tahun 2010, iaitu RM20.5 juta</li> <li>• Jika mangsa jenayah tersebut ialah organisasi maka operasi akan terganggu dan mengalami kerugian besar seperti yang pernah berlaku terhadap laman web kerajaan.</li> <li>• Individu juga mengalami kerugian kerana terpaksa berbelanja untuk memperbaiki komputer.</li> </ul>
7	Kerugian dari segi harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Misalnya, apabila maklumat sesebuah syarikat dicetak rompak, maka mereka akan mengalami kerugian kerana mungkin hak cipta akan ditiru</li> <li>• Pencipta hak yang mengalami kerugian akan berasa rugi dan mungkin tercabar untuk melaksanakan inovasi pada masa hadapan</li> <li>• Perbankan atas talian-laman web ditiru oleh sindiket penipuan</li> </ul>

### **Kesimpulan**

Jenayah siber perlu dibanteras supaya pengguna perkhidmatan tidak mengalami pelbagai kesan negatif. Selain itu, sikap pengguna sendiri perlulah sentiasa berhati-hati agar mereka tidak menjadi mangsa jenayah maya ini.

**Format jawapan : 2+3 / 3+2**